

KEMBARAN F**PERANAN & TANGGUNGJAWAB WAKIL PIHAK BERKUASA SIDANG (PBS)**

- Apabila arahan untuk menyidangkan mahtera dikeluarkan, PBS HENDAKLAH mengambil langkah-langkah yang telah ditetapkan.
- TIGA tugas utama yang perlu dilaksanakan:
 - a. Tugas selepas menerima arahan (PRA)
 - b. Tugas untuk menyidangkan mahtera.
 - c. Tugas setelah selesai perbicaraan (PASCA).
- Diambil tindakan oleh pegawai staf di markas formasi (PS 1 TADBIR atau PS 2 PERUNDANGAN/TATATERTIB/TADBIR) selaku Wakil PBS.

PRA PERBICARAAN MAHTERA

1. Wakil PBS hendaklah meneliti dokumenx berikut:
 - a. Dokumen-dokumen di bawah Kaedah 38 PU (A) 163.
 - b. Dokumenx berkaitan kes dan eksibit.
 - c. Sekiranya ditubuhkan BOI, tentukan keahlian BOI tersebut supaya tidak dilantik sebagai ahli mahtera.
 - d. Batasan masa - Seksyen 144 AAT 1972.
 - e. OKT dalam tangkapan atau tidak.
2. Setelah berpuas hati, majukan maklumat/dokumen tersebut ke Jabatanarah Perundangan untuk mohon tarikh persidangan.
3. Setelah ditetapkan tarikh:
 - a. Mendapatkan kuota keahlian mahtera termasuk penugasan lain i.e juru rekod, pegawai di bawah arahan, kerani mahkamah.
 - b. Mengeluarkan perintah sidang, sijil pelantikan pegawai pendakwa dan pembela.
 - c. Memohon pelantikan Hakim Peguam sekiranya perlu.
 - d. Mengeluarkan Perintah Tadbir.
 - e. Membuat pindaan Kertas Pertuduhan sekiranya perlu.

- f. Menyerahkan sesalinan Kertas Pertuduhan dan Perintah Sidang kepada OKT melalui surat rasmi (akujanji & perakuan penyerahan dokumen).
- g. Mengarahkan OKT membuat pelantikan peguambela sekiranya perlu.
- h. Menghubungi saksi-saksi, keluarkan signal atau sapina.
- i. Mengeluarkan signal persidangan mahtera kepadasemua unit/pegawai/anggota yang terlibat.
- j. Mengarahkan pasukan OKT mengisytiharkan kewajipan menghadiri mahtera di PERBAH SATU pasukan.
- k. Menghantar dokumen mahtera kepada pegawai-pegawai yang berkenaan di Jabatanarah Perundangan.
- l. Mengarahkan pasukan OKT membuat persiapan perbicaraan.
 - Persiapan dewan perbicaraan.
 - Keperluan alatulis.
 - Pelantikan pengiring dan pesuruh mahkamah.

SEMASA PERBICARAAN MAHTERA

4. Wakil PBS dikehendaki hadir pada tarikh yang ditetapkan dan bertindak sebagai pengantara di antara mahkamah dan PBS sekiranya dirujuk berhubung perkara-perkara berikut:
 - a. Apabila YDP dibantah oleh OKT& mahkamah menerima bantahan tersebut.
 - b. Apabila rayuan OKT terhadap bidang kuasa mahkamah dibenarkan.
 - c. Apabila bantahan terhadap pertuduhan dibenarkan oleh mahkamah.
 - d. Apabila rayuan menghalang perbicaraan dibenarkan oleh mahkamah.
5. Sekiranya perbicaraan ditangguh ke suatu tarikh yang lain:
 - a. Mengeluarkan signal tarikh sambung bicara kepada ahli dan individu yang berkenaan pada hari perbicaraan ditangguh dan sekurang-kurangnya dua minggu sebelum tarikh perbicaraan yang ditetapkan.
 - b. Memberitahu kepada peguambela OKTsecara bertulis berhubung tarikh baru yang ditetapkan.
 - c. Memastikan OKTdiletakkan dalam tangkapan rapi (rujuk Kaedah 16(1) PU (A) 163).

- d. Mengkoordinasi pelepasan/mengeluarkan OKT dari tangkapan rapi sekiranya dibenarkan oleh PBS.

PASCA PERBICARAAN MAHTERA

6. Setelah mahkamah mengumumkan perbicaraan tamat/selesai:
 - a. Memastikan OKT diletak dalam jagaan selamat sekiranya dijatuhkan hukuman penjara/tahanan.
 - b. Mengarahkan jururekod menyiapkan Rekod Perbicaraan (ROP) dalam tempoh masa yang ditetapkan (rujuk dengan YDP).
 - c. Mengeluarkan Sijil Pengesahan Hukuman.
 - d. Menguruskan keperluan untuk petisyen oleh OKT sekiranya perlu.
 - e. Menentukan Pemberitahuan Rasmi hukuman dilaksanakan oleh PM.
 - f. Menasihati unit berhubung pengisytiharan hukuman & pemberhentian secara pentadbiran sekiranya perlu.